

# MEMAHAMI KOSMOLOGI TAMADUN MELAYU : IKTIBAR KEPADA PROSES TRANSFORMASI SOSIO-EKONOMI BANGSA

Solahuddin Abdul Hamid<sup>1</sup>

MohdAkramDato' Dahaman@Dahlan

Muhamad Amar Mahmad

*Universiti Utara Malaysia*

[solah@uum.edu.my](mailto:solah@uum.edu.my)

## Abstrak

*Budaya pemikiran adalah selari dengan pegangan agama, bahasa, pandangan kosmologi, sosio-budaya, adat resam sesebuah bangsa. Pelbagai istilah atau symbol tidak wujud sebagai suatu entiti yang tersendiri, tetapi turut berhubungkait dengan sesuatu atau beberapa makna yang didokongnya. Gagasan yang terhasil melalui tafsiran, tradisi lisan dan tulisan, dan penghayatan ini bukan sahaja memanasifasikan kosmologikal dalam masyarakat dan budaya, malahan ia turut memainkan peranan yang signifikan dalam kedinamikan tamadun Melayu. Namun, perbincangan kosmologi dalam artikel ini hanya akan memfokuskan kepada isu-isu intrinsic melibatkan hubungan antara Tuhan dan alamsemesta dalam masyarakat Tamadun Melayu. Memandangkan Tamadun Melayu yang gemilang adalah sebahagian daripada induk Tamadun Islam, maka Islam adalah teras kepada perbincangan ini. Adalah diharapkan hasil perbincangan ini dapat membantu menterjemahkan proses transformasi pembangunan masyarakat dan Negara berasaskan acuan sendiri sepertimana yang terkandung dalam gagasan wawasan 2020.*

Kata kunci: *kosmologi, tamadunMelayudantransformasi*

## PENGENALAN

---

<sup>1</sup>Solahuddin Abdul Hamid, PhD; MohdAkramDato' Dahaman@Dahlan, PhD dan Muhamad Amar Mahmad, PhD adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Umum, Kolej Sasteradan Sains, Universiti Utara Malaysia.

Pembentukan ketamadunan sesebuah masyarakat tidak berlaku secara kebetulan. Justeru, korpus penelitian yang signifikan terhadap sesebuah ketamadunan seharusnya juga melalui hasil pemikiran yang pernah tercatat sama ada dalam bentuk penulisan atau tersimpandalamlipatanmemorimasyarakat yang masih ada. Pelbagai istilah dan simbol yang wujud melalui tradisi tulisan dan tradisi lisan telah membentuk pandangan sarwajagat yang akan mempengaruhi kefahaman, tingkahlaku dan orientasi sesuatu masyarakat. Artikel ini akan membincangkan proses pembentukan kosmologi tamadun Melayu silam sebagai panduan kepada proses transformasi sosio-ekonomi bangsa semasa dan akan datang. Namun, lingkungan perbincangan hanya kepada isu-isu intrinsic melibatkan hubungan antara Tuhan dan alamsemesta dalam pembentukan masyarakat Tamadun Melayu. Memandangkan Tamadun Melayu yang gemilang adalah sebahagian daripada induk Tamadun Islam, maka Islam adalah teras kepada perbincangan ini

## **ISU DAN PERMASALAHAN**

Aktiviti keusahawanan bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat Melayu kerana ia telah wujud semenjak beberapa dekad yang lampau. Aktiviti ekonomi ini merupakan kesinambungan daripada tradisi aktiviti ekonomi masyarakat pribumi yang telah bermula sejak dari abad ke 7M hingga abad ke 13M iaitu ketika zaman awal Kerajaan Melayu Langkasuka dan Sriwijaya.

### ***Sejarah Keusahawanan Melayu***

Berdasarkan kajian arkeologi, tradisi niaga terawal dalam kalangan masyarakat Melayu diandaikan bermula sejak zaman masyarakat primitif lagi. Hipotesis tersebut merujuk kepada kewujudan pola penempatan masyarakat yang secara tetap di kawasan terbuka seperti persisir-persisir pantai dan tepi-tepi sungai bermula zaman Mesolitik. Pembentukan kelompok masyarakat yang semakin membesar ini memerlukan mereka mengerjakan sawah padi yang luas, menternak binatang, menangkap ikan dan melakukan pertukaran barangan atau perniagaan-perniagaan kecil untuk memenuhi keperluan harian. Pada suatu ketika, telah sampai kepada sesetengah masyarakat ini para pedagang dari India yang bukan sahaja membawa barang dagangan, malahan turut bersama mereka para sami Hindu. Transaksi yang berasaskan sistem barter ini adalah pemangkin kepada aktiviti perdagangan yang lebih maju pada era Neolitik kemudiannya (Syed Husin Ali, 1975; Mohd. Koharuddin Mohd Balwi 2005; Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman, 1992; Yahya Abu Bakar, 1996).

Dalam erti kata lain, masyarakat Melayu telah berniaga sama ada secara besar-besaran atau kecil-kecilan bermula daripada zaman sebelum kemunculan Kesultanan Melayu Melaka sehingga kedatangan Inggeris. Secara tidak langsung, andaian bahawa orang Melayu tidak mempunyai budaya keusahawanan adalah tidak tepat kerana aktiviti perdagangan bukan sesuatu yang baru bagi mereka.

### ***Pencapaian keusahawanan Melayu***

Terdapat juga catatan yang menunjukkan bahawa sebelum kemunculan Kesultanan Melayu Melaka (KMM) pada abad ke 15, perdagangan beberapa barangan sudah pun merentasi sempadan negeri-negeri di alam Melayu akibat pengaruh *merkantilisme* Eropah. *Merkantilisme* adalah suatu system politik ekonomi yang sangat mementingkan perdagangan antarabangsa. Tujuannya adalah untuk meningkatkan asset dan modal yang dimiliki suatu negara (Jomo Kwame Sundaram, 1986).

Antaranya, sepanjang Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Borneo, Kepulauan Sumatera, Pulau Jawa sehingga ke Kepulauan Sulawesi, Kepulauan Riau dan sebagainya. Contohnya, Oc Eo di Funan (kurun ke 2), Ligor dan Gingora di Langkasuka (kurun ke 2), Lembah Bujang di Kedah (kurun ke 4), Kuala Selinsing di Perak (kurun ke 5), Kan-t'o-li di Sumatera (kurun ke 5), Jambi/Melayu (kurun ke 6/7), Surabaya dan Tuban di Jawa Timur (kurun ke 11) dan kerajaan Majapahit (kurun ke 13) (Mohd. Koharuddin Mohd Balwi, 2005; Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman, 1992).

Kemuncaknya, aktiviti perdagangan menjadi nadi utama sistem ekonomi Kerajaan KMM (1400-1511M). Para pemerintah berjaya membentuk iklim perdagangan yang amat baik melalui pentadbiran yang cekap dan adil, mewujudkan jawatan Syahbandar serta mengamalkan dasar 'buka pintu' dalam hubungan diplomatik. Melaka berjaya menjadi sebuah pusat perdagangan yang penting ketika itu.

Gambaran kegemilangan KMM adalah berdasarkan catatan Tom Pires (1512) dalam "*Suma Oriental of Tom Pires*" Cortesao (1944) bahawa pada setiap tahun terdapat sekurang-kurangnya 100 buah kapal yang besar dan 30 hingga 40 buah kapal-kapal kecil datang ke pelabuhan Melaka. Saiz pelabuhan Melaka begitu besar sehingga boleh menampung hampir 2000 buah kapal yang berbagai saiz untuk sesuatu masa. Simon Elegant (1999) memperkukuhkan lagi catatan tersebut dengan mengatakan Melaka adalah salah sebuah daripada tiga pelabuhan yang tersibuk di dunia dengan menerima 2000 buah kapal dagang setiap hari. Manakala Shellabear (1932) menggambarkan suasana perdagangan di Melaka pada ketika itu dengan mengatakan:

*"maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekeliannya datang ke Melaka terlalu ramai, bandar Melaka pada ketika itu maka oleh segala orang Arab dinamakan Malakat ertinya perhimpunan segala dagang kerana banyak jenis dagang ada di sana dan segala orang besar-besar pun sangat saksama"*.

Ketika itu, orang Melayu juga sudah terkenal sebagai pelaut atau pedagang yang menguasai perdagangan di semua pelabuhan di Selat Melaka dan kawasan-kawasan lain di rantau ini. Ada yang bertindak sebagai pemborong, pengimport barangan luar, membuka kedai runcit dan gerai terutamanya bagi golongan wanita. Di samping itu, ada juga yang menawarkan pelbagai perkhidmatan dan kemahiran seperti menyediakan gudang untuk disewakan sebagai tempat menyimpan barang dagangan, tempat penginapan, membaiki kapal, jahit menjahit, bungkus-membungkus serta bekerja sebagai kakitangan dan buruh di pelabuhan.

Lanjutan itu, Kepulauan Melayu dan sekitarnya merupakan medan perdagangan dan aktiviti maritim rumpun Melayu sejak hampir 1000 tahun bermula daripada zaman Empayar Srivijaya sehingga ke zaman penjajahan kolonialis Barat pada abad ke 16M. Kapal-kapal dagangan mereka telah sampai di Pelabuhan negeri China, Famosa, Indo-China, Siam, Burma, India, Arab bahkan ada yang sampai ke

Afrika Utara. Kemahiran, kecekapan dan kegigihan para pedagang Melayu sukar disaingi oleh para pedagang Eropah sendiri. Jalan pintas untuk mereka menguasai perdagangan di alam Melayu ialah melalui kekerasan dengan menggunakan kekuatan ketenteraan (Hashim Hj Musa, 2006;ShaharilTalib& Mohammad RaduanMohdAriff, 1997;Mohd. Koharuddin Mohd Balwi, 2005).

### ***Kedatangan Penjajah Barat***

Melaka merupakan pusat perdagangan pertama di kawasan Selat Melaka yang jatuh ke tangan kuasa penjajah Eropah. Kemudian disusuli dengan bandar pelabuhan lain seperti Batavia, Johor-Riau, Benkulen, Makassar, Ambon, Manila dan Timor sehingga turut melibatkan pelabuhan-pelabuhan di Laut China Selatan. Menjelang akhir abad ke 18M, kebanyakan pusat perdagangan utama dan penting di wilayah Lautan Hindia-Asia Tenggara-Tanah Besar China telah dikuasai sepenuhnya oleh kuasa-kuasa Eropah (Nordin Hussin, 2008).

Sepanjang penjajahan tersebut juga, terdapat pelbagai usaha dilakukan untuk mengekalkan orang Melayu sebagai anak jajahan mereka. Antaranya, menghapuskan kewujudan golongan pedagang Melayu di mana penguasaan perdagangan mereka telah dirampas secara kekerasan. Akhirnya orang Melayu tidak lagi menjadi pedagang sebaliknya mereka telah ditolak ke kawasan pendalaman menjadi golongan petani, pesawah dan pekebun kecil. Kemuncaknya, kelas saudagar Melayu telah berjaya dihapuskan sehinggakan negeri-negeri di alam Melayu ini ketandusan golongan peniaga dan pedagang. Akibat daripada perancangan jahat imperialis Barat tersebut, orang Melayu telah mengalami proses kemunduran yang drastik, baik kemunduran tamadun ataupun mental dan spiritual.

Syed Hussein al-Attas (1989) mengatakan, ketika British tiba di Melaka pada akhir abad ke 18, mereka sudah tidak menemui golongan pedagang Melayu dalam kedudukan yang setanding dengan mereka. Ini menunjukkan golongan pedagang Melayu telah disisih selama tiga abad lalu. Melalui Perjanjian Inggeris-Belanda pada Mac 1824, monopoli British terhadap perdagangan di negeri-negeri Melayu bermula secara rasmi. Semenanjung Tanah Melayu telah dibahagikan kepada beberapa wilayah jajahan yang kecil dari segi perundangan dan sekatan perdagangan dipertingkatkan lagi. Dalam erti kata lain, kedatangan penjajah British telah membawa perubahan yang lebih besar berbanding penjajahan sebelum ini kerana British bukan sahaja menguasai politik dan ekonomi Mahathir Muhammad (1994), malah turut berusaha membantutkan perkembangan agama Islam dan kemajuan bangsa Melayu.

### ***Islam dan Keusahawanan Melayu***

Kedatangan penjajah-penjajah secara bersilih ganti dalam tempoh masa yang panjang secara perlahan-lahan telah menindas, menyisih dan menghapuskan kegemilangan orang Melayu dalam bidang tersebut. Malah, sejak penjajah menjejakkan kaki keatas Tanah Melayu, motivasi ekonomi Melayu mula terhakis. Kesannya, selepas mencapai kemerdekaan orang Melayu menjadi tidak signifikan dengan aktiviti keusahawanan berbanding pemodal Inggeris dan pendatang Cina.

Kemerdekaan yang dicapai hanya membawa perubahan dalam politik dan pentadbiran daripada penjajah kepada rakyat negara ini. Proses yang sama tidak berlaku dalam bidang ekonomi di mana pola atau sistem ekonomi yang diasaskan penjajah masih lagi diteruskan. Lanjutan itu, ladang-ladang, lombong-lombong dan perdagangan-perdagangan besar terus dikuasai oleh penjajah British manakala syarikat-syarikat besar yang ditubuhkan pada zaman penjajah terus berdiri megah. Kesannya, dasar perdagangan bebas yang dilaksanakan oleh penjajah British ini tidak banyak memberi keuntungan kepada orang Melayu yang masih kekal dengan sistem ekonomi sara diri serta sentiasa bergelut dengan masalah ekonomi terbesar mereka iaitu kemiskinan.

Situasi ini telah mendorong sebahagian sarjana Barat seperti Parkinson (1975), mengaitkan ketidaktrampilan ekonomi orang Melayu adalah berpunca daripada beberapa faktor bukan ekonomi di mana Islam adalah antara faktor terpenting. Beliau mengandaikan ajaran Islam adalah antara unsur-unsur yang tidak menggalakkan ikhtiar di dalam kehidupan orang Melayu akibat daripada penjiwaan kepada konsep fatalisme<sup>2</sup>. Selain itu, ketika membincangkan konsep "fatalisme", Geertz (1965) juga telah mengaitkan masyarakat Islam sebagai kurang memiliki keinginan pencapaian. Hujah-hujah tersebut turut disokong oleh Sutcliffe (1975) yang beranggapan bahawa berdasarkan ayat al-Qur'an surah al-Ahzab (33): 36,<sup>3</sup> tiada peruntukan kebebasan dalam Islam sedangkan keduanya penting sebagai mekanisme pembangunan usahawan sepertimana yang telah disarankan oleh Weber dan McClelland.

## PERBINCANGAN

Penulis berpandangan andaian-andaian negatif tersebut tidak sepatutnya diterima atau dibantah begitu sahaja. Berdasarkan teori dan fakta empirikal, orang Melayu ketika itu secara relatifnya lebih mundur daripada masyarakat Barat dan masyarakat Cina dalam aspek kebendaan. Justeru, perlu dicari sebab-sebab yang mengakibatkan orang Melayu bersikap demikian.

### ***Islam dan Budaya Keusahawanan***

Dalam konteks hubungan antara Islam dan keusahawanan, sarjana Islam seperti Abulhasan Muhammad Sadeq (2006) berhujah, andaian negatif tersebut tidak dapat disokong oleh bukti yang kukuh memandangkan para pengkaji tersebut lebih cenderung mengaplikasikan bentuk tingkahlaku yang berbeza kepada tingkahlaku Islam yang sebenar, di mana tingkahlaku ekonomi mereka tidak

---

<sup>2</sup>Menurutnya, fatalisme adalah sikap yang terjelma hasil daripada mempercayai bahawa "segalanya daripada Tuhan". Apabila segalanya telah ditentukan oleh Tuhan, maka manusia tidak lebih daripada pelaku kaku, prakarsa sudah tidak relevan lagi.

<sup>3</sup>Maksudnya: "*Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara, (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelasnyata*".

mengikuti nilai-nilai Islam. Bagi menjawab hujah Sutcliffe pula, seseorang itu mestilah mempunyai kefahaman yang sebenar tentang Islam sebagai cara hidup terlebih dahulu jika ingin memahami maksud ayat-ayat al-Qur'an dengan tepat. Sebenarnya, Syariat Islam telah membekalkan norma-norma nilai-

nilai berbentuk perintah dan larangan terhadap keseluruhan hidup manusia kepada tiga kumpulan utama: wajib, sunat dan haram. Menurut Abu 'Ubayd al-Qasim bin Salam (1975) pula, Islam telah menyediakan semua faktor yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi dan amat menggalakkannya terutama dalam bidang industri, perdagangan dan perniagaan.

Manakala ciri-ciri etika Protestant yang disebut oleh Weber seperti bertanggungjawab secara langsung kepada Tuhan, amanah dalam urusan, kerja kuat, jimat cermat, pengurusan masa, perkiraan rasional dan sebagainya bukanlah merupakan sesuatu yang baru<sup>4</sup> kerana semua elemen tersebut jelas sudah lama dituntut dalam Islam, malah skop tuntutanannya lebih menyeluruh daripada itu. Dalam pada itu, hipotesis bahawa Islam tidak sesuai untuk pembangunan kapitalisme berdasarkan sifatnya yang tidak rasional turut ditentang oleh sarjana bukan Islam seperti Rodinson. Beliau berhujah, idea takdir dalam Islam adalah lebih kurang sama dengan apa yang terdapat dalam Kitab Kristian yang tidak menggalakkan umatnya hanya berdiam diri sambil menunggu pertolongan Allah S.W.T.. Manakala dalam bidang ideologi, al-Qur'an amat mementingkan ketaakulan dan mendorong umatnya bergiat aktif dalam aktiviti ekonomi<sup>5</sup>.

### ***Islam dan Keusahawanan Melayu***

Para sarjana telah merumuskan bahawa teras pembinaan tamadun Melayu silam dengan ungkapan "keraton-pasar-pesantren". Ketiga-tiga istilah ini jelas menggambarkan tonggak tamadun Melayu ialah kuasa politik-ekonomi perdagangan-tradisi keilmuan keagamaan. Abd. Latif Abu Bakar (1996) mengatakan, perdagangan mahupun kaedah perdagangan diplomasi Melaka bersendikan agama Islam, Bahasa Melayu, tulisan jawi dan perkahwinan diraja yang juga merupakan tali temali yang memperteguhkan ukhwah dan ikatan serumpun. Melaka bertambah makmur sewaktu agama Islam sedang tersebar luas di Alam Melayu sehingga menarik minat ramai pedagang asing yang hendak bermastautin dan seterusnya penjajah-penjajah yang hendak memerintah. Justeru, tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa kejayaan bangsa Melayu dalam bidang ekonomi dan perniagaan bermula dengan keberkesanan pelaksanaan sistem ekonomi Islam dalam bentuknya

---

<sup>4</sup>Melalui bukunya "*The Protestant Ethic And The Spirit of Capitalism*" Max Weber menekankan bahawa kejujuran amat berguna, kerana ia menjamin kredit, begitu juga ketepatan waktu, rajin dan berjimat cermat. Kesemuasifat ini dianggap baik kerana selain jelas dan kemampuan bertindak, hanya kepastian dan ketinggian etika sahaja membolehkannya menguasai keyakinan mutlak yang amat diperlukan pelanggan dan pekerja. Tiada cara lain yang dapat memberikannya kekuatan untuk mengatasi pelbagai halangan, serta segala kerja lebih intensif, tuntutan usahawan moden (Chan Kwok Bun & Claire Chiang See Ngoh, 2007).

<sup>5</sup>Pandangan ini adalah berdasarkan kajian beliau sama ada hukum-hukum Islam dapat menjelaskan mengapa kapitalisme asalnya tidak berkembang di negara-negara Islam, apakah Islam bertentangan dengan pembangunan kapitalis serta secara lebih khusus ia menyangkal tesis Weber yang mengatakan bahawa Islam tidak mempunyai rasionalisme yang diperlukan bagi perkembangan kapitalisme. Beliau menggariskan inti-inti doktrin ekonomi yang terdapat dalam al-Qur'an dan Hadith dan mengkaji hubungan antara doktrin dan amalan ekonomi di dunia Islam dalam abad pertengahan dan kini (Jomo K. S., 1992).

yang tersendiri pada abad ke 15(Siddiq Fadzil,2005;Yahya Abu Bakar, 1996; Mahathir Mohamad 1982;Syed Omar Syed Agil, 1997).

Sebenarnya, apa yang berlaku adalah rentetan daripada sejarah pertembungan panjang antara orang Islam dan Kristian Barat dalam Perang Salib sehingga melahirkan kebencian Barat terhadap Islam. Syed Naquib al-Attas (1972) menjelaskan, seolah-olah terdapat satu ketetapan terhadap Islam bahawa agama ini tidak sebarang membawa perubahan atau tamadun yang lebih baik daripada apa yang sudah ada di Alam Melayu. Ini kerana, pemikiran para sarjana Barat ini sememangnya berkecenderungan untuk memperkecilkan peranan Islam dalam sejarah Kepulauan Melayu. Malahan, terdapat kecenderungan dalam kalangan intelektual Barat fanatik yang sentiasa berusaha untuk menjatuhkan imej Islam. Elemen kebencian inilah yang sering mendasari penyelidikan mereka terhadap Islam dengan mengemukakan pelbagai tesis yang mengelirukan.

Hipotesis mitos masyarakat Melayu pemalas pula muncul adalah berdasarkan kepada penolakan mereka untuk bekerja di ladang-ladang milik British dan ketidakterlibatan mereka dalam kegiatan ekonomi kapitalis kota yang dikuasai oleh kolonial. Masyarakat Melayu seperti kebanyakan masyarakat lain dalam sejarah bukan kaum pemalas tetapi ia adalah lebih kepada sikap tidak sudi orang Melayu menjadi alat untuk memperkayakan para pemilik ladang kolonial (Syed Hussein al-Attas, 1989).Malahan, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) merumuskan bahawa kedatangan Islam menandakan permulaan suatu zaman baru dalam perabadian sejarah Melayu.Beliau mengibaratkan kedatangan Islam ke alam Melayu sebagai ayam jantan yang berkokok mengejutkan bangsa Melayu dari tidur dan menyedarkan mereka kegelapan malam sudah berakhir; kini hari sudah siang, masa untuk bekerja dan memulakan kehidupan.

### ***Tranformasi Sosio-Ekonomi Orang Melayu***

Kejayaan dan kegemilangan yang dihasilkan dalam Tamadun Melayu sebelum ini bukanlah berbentuk '*historical*' semata-mata, sebaliknya ia juga bersifat '*coincidental*' di mana agama Islam menjadi asas unggul dalam memperkukuhkan hubungan tersebut.Berdasarkan latarbelakang sejarah, kebudayaan, sikap hidup, aspirasi serta kefahaman masyarakat Melayu sejak zaman berzaman ini, maka konsep budaya berteraskan prinsip dan nilai-nilai Islam adalah yang paling hampir dengan jiwa Melayu.Justeru, tidak sukar bagi orang Melayu untuk mencari model atau formula yang perlu dicontohi kerana sebagai umat Islam model dan formula itu telah berada di hadapan mereka.

Keperibadian Malaysia tidak boleh disamakan dengan keperibadian negara lain. Malaysia harus bergerak selari dengan keperibadiannya sendiri, meskipun mempunyai unsur persamaan dengan Negara anggota serantau yang lain (Aziz Deraman, 2000).Tambahan pula, aktiviti perniagaan tidak boleh beroperasi dengan terasing daripada persekitaran politik, budaya, ekonomi dan teknologi(Khaliq Ahmad danAbulHassan M. Sadeq, 2001).Sejarah telah membuktikan bahawa keberkesanan perlaksanaan sesebuah sistem ekonomi mempunyai hubungkait yang rapat dengan sentimen dan aspirasi masyarakat yang terbabit (NikMustapha B. Hj. Nik Hassan,1989).Muhammad Nejatullah Siddiqi (2000) juga mengatakan, jika mahu mencapai perubahan hidup, seharusnya dilaksanakan pendekatan yang sesuai dengan semua apek kehidupan mereka sama ada ekonomi,

politik, sosial dan kerohanian. Ini kerana, kecemerlangan dan keunggulan sesuatu bangsa hanya mungkin tercapai menerusi penghayatan nilai-nilai agama dan budaya sendiri. Hakikat ini turut diakui oleh Drucker (1974) yang menegaskan bahawa sistem pengurusan yang baik dan berjaya ialah sistem yang diasaskan kepada nilai-nilai masyarakat itu sendiri untuk keperluan mereka sendiri. Dengan merujuk Jepun dan German sebagai contoh, beliau mengatakan kemampuan kedua-dua negara tersebut bangkit semula selepas menderitai kekalahan paling parah dalam sejarah, bukan kerana mereka telah menukar budaya sendiri, tetapi merubah perilaku mereka.

## RUMUSAN

Kedatangan penjajah secara bersilih ganti dalam tempoh masa yang panjang meminggirkan arus pembangunan ekonomi semasa yang telah dikuasai oleh mereka sebelum ini. Melalui dasar dan pelan pembangunan yang dirangka, penjajah terutamanya Inggeris telah berjaya menginstitusikan bentuk-bentuk baru sosio-ekonomi orang Melayu. Mereka bukan sahaja tidak berusaha untuk meninggikan taraf ekonomi orang Melayu, malah kuasa yang ada di tangan pembesar-pembesar Melayu turut dirampas. Elit-elit Melayu yang kehilangan kuasa politik, tidak berpeluang mengecapi pencapaian ekonomi meskipun penjajah British kerap memberi jaminan bahawa kepentingan politik Melayu lebih diutamakan berbanding bukan Melayu. Bahan-bahan dagangan yang dibawa masuk oleh pedagang-pedagang asing telah dikecualikan cukai, manakala segala hasil negeri dikuasai dan dikawal oleh residen Inggeris dan para pegawainya. Mereka juga telah dipupuk supaya tidak melawan penjajah British dengan menawarkan pekerjaan yang berorientasikan makan gaji dengan menjadi kakitangan kerajaan sebagai kerani, polis, askar, posmen dan sebagainya, manakala yang lebih baik hanya sekadar menjadi guru. Jika mereka terlibat dalam perniagaan, ia bukanlah berorientasikan keuntungan untuk mengumpul harta, tetapi sekadar berniaga secara kecil-kecilan untuk menyara hidup sedangkan kaum lain semakin jauh ke depan memonopoli dunia perdagangan. Lama-kelamaan, bermulalah defisit pendidikan dan ekonomi orang Melayu kerana mereka menjadi lebih selesa tinggal di luar bandar dengan mengerjakan pertanian secara kecil-kecilan, menjadi nelayan, bekerja sendiri dengan mencari hasil hutan serta terikat dengan cara hidup tradisi. Justeru, adalah tidak tepat mengaitkan kemunduran yang dihadapi orang Melayu dengan agama Islam yang dianuti oleh mereka. Islam melalui ajarannya telah menyediakan satu '*cultural frame-work*' yang menggalakkan umatnya ke arah satu usaha yang dijalankan secara rasional untuk mendapatkan keuntungan ekonomi. Namun, sejauhmana orang Melayu berkeupayaan melakukan lonjakan adalah bergantung kepada kekuatan nilai-nilai dalam agama mereka dan kesungguhan mereka menghayatinya dalam pelbagai aspek kehidupan. Justeru, pembangunan semula ekonomi orang Melayu memerlukan '*social engineering*' (perubahan terencana) terhadap sistem budaya dan struktur sosial mereka yang bersesuaian dengan konsep-konsep Islam kerana kebudayaan Melayu adalah bersumberkan pada Islam.

## RUJUKAN



- A. Aziz Deraman (2000), *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, edisibaru, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abulhasan M Sadeq (2006), "Economic Growth in An Islamic Economy", dalam Abulhasan M Sadeq (eds.), *Development Issues in Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Research Centre.
- Abu 'Ubayd al-Qasim bin Salam (1975), *Kitab al-Amwal*, Mesir: Dar al-Fikr.
- Chan Kwok Bun & Claire Chiang See Ngoh, (2007), *Mengorak Langkah: Melahirkan Usahawan Cina*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Cortesao, A. (1944), *The Suma Oriental of Tom Pires*, j. 2, London: Hakluyt Society.
- Drucker, P. F. (1974), *Management: Tasks, Responsibilities, Practices*, London: Heinemann.
- Elegant, S. (1999), "**A Pyrrhic Victory : The Portuguese Poured Blood And Money Into The Capture Of Malacca In 1511 - Only To Destroy It**", *Eastern Economic Review*, Jun, 162, no. 23, h. 45.
- Geertz, C. (1965), "Modernisation in a Muslim Society: The Indonesian Case", dalam Bellah, R. N. (eds.), *Religion and Progress in Modern Asia*, New York: The Free Press.
- Hashim Hj Musa (2006), "Islam dan Tamadun Melayu: Peranannya Dalam Pembinaan Tamadun Malaysia", (Seminar Islam Hadhari dan Pembangunan Ummah Peringkat Kebangsaan, 24-26 Mac, Anjuran YADIM, Hotel Pan Pacific, KLIA).
- Jomo Kwame Sundaram (1986), *A Question of Class: Capital, the State and Uneven Development in Malaya*. Singapura: Oxford University Press.
- Jomo K. S. (1992), "Islam and Capitalist Development: A Critique of Rodinson and Weber", dalam Jomo K.S. (eds.) *Islamic Economic Alternatives, Critical Perspectives and New Directions*. London: MacMillan Academic and Professional Ltd.
- Khaliq Ahmad dan AbulHassan M. Sadeq (2001), "Ethics in Business and Management: A Summary", dalam Khaliq Ahmad dan AbulHassan M. Sadeq (eds.), *Ethics in Business and Management, Islamic and Mainstream Approach*. London: ASEAN Academic Press.
- Mahathir Muhammad (1994), "Malay Problems in the Context of Malaysian Problems", *Sari*, bil.12, Julai, h. 78.
- Mohd. Koharuddin Mohd Balwi (2005), "Budaya Perniagaan dan Perdagangan Melayu Dalam Teks Melayu" *Jurnal Pengajian Melayu*, j. 15, 2005, h. 52-71.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (2000), *The Economic Enterprise in Islam*, c. 2, Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman (1992), *Zaman Protosejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Mustapha B. Hj. Nik Hassan (1989), "Pendekatan Sistem Ekonomi Islam Dalam Meningkatkan dan Memajukan Kedudukan Ekonomi Masyarakat Melayu", *Occasional Paper Kulliyah of Economics*, j. 1:1, Gombak: International Islamic University.
- Nordin Hussin (2008), "Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka Kepada Perdagangan Dunia, Asia dan Dunia Melayu 1700-1800", *Akademika*, bil. 73, Mei, h. 3-26.
- Parkinson, B. K. (1975), "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays" dalam David Lim (eds.) *Readings on Malaysian Economic Development*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 40-41.
- Sutcliffe, C. R. (1975), "Is Islam an Obstacle to Development? Ideal Patterns of Belief Versus Actual Patterns of Behavior", *Journal of Developing Areas*, j. 10. Oktober, h. 77-81.
- Shellabear, W. G. (1932), *Sejarah Melayu*, c. 6. Singapura: The Malaya Publishing House.
- Syed Husin Ali (1975), *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.
- Syed Hussein al-Attas (1989), *Mitos Pribumi Malas, Imej Orang Jawa, Melayu dan Filipina Dalam Kapitalisme Penjajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Omar Syed Agil (1997), "Kecemerlangan Bangsa Melayu dan Kejayaan Ekonomi Islam Serantau", dalam Aidit Ghazali dan Sarimah Radzi (eds.), *Bangsa Melayu dan Kejayaan Ekonomi Islam Serantau*, Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda.
- Yahya Abu Bakar (1996), "Kerja Sama Serantau Mengusir Penjajah di Persekitaran Selat Melaka", dalam Abdul Latiff Abu Bakar (eds.), *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya